

05 AUG 2002

Zimbabwe-Mugabe/I

MUGABE BIDAS MEDIA BARAT KERANA BERI GAMBARAN NEGATIF MENGENAI ZIMBABWE

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Presiden Robert Mugabe membidas media barat kerana menampilkan Zimbabwe sebagai negara tidak berperikemanusiaan sedangkan negara itu sebenarnya hanya mengambil balik sumber-sumber aslinya untuk memastikan pembangunan ekonomi yang lebih saksama.

"Perjuangan kedua kami (daripada pejuang) ialah untuk mendapatkan balik tanah kita. Orang kita hanya mempunyai undi sementara yang lain pula memiliki tanah anda, mineral, air, hutan dan haiwan," kata beliau di sini, hari ini.

Mugabe yang berada di sini kerana menghadiri Dailog Antarabangsa Langkawi (LID 2002) yang baru tamat berkata, Zimbabwe digambarkan dalam media sebagai sebuah negara tanpa undang-undang dengan tanah-tanah milik orang kulit putih Eropah dirampas sesuka hati.

"Inilah gambaran yang ditunjukkan oleh musuh-musuh kita. Mereka ini tidak mahu rakyat Zimbabwe untuk menentukan takdir sendiri dan sumber mereka sendiri," kata beliau.

Bercakap di pelancaran Pusat Ekspo Asia Zimbabwe di sini, beliau berkata bekas penjajah, British, kini telah menggunakan semua bentuk tekanan dan propaganda untuk menampilkan mereka sebagai golongan tidak berperikemanusiaan dan mereka yang mencabul kedaulatan undang-undang.

Mugabe yang memimpin parti pemerintah ZANU-PF memenangi pilihan raya negara itu pada Mac tahun ini dengan dunia Barat mendakwa pilihan raya itu dimanipulasi dan ia menyumbangkan kepada keadaan huru-hara di negara itu.

Kerajaan beliau juga mengarahkan para petani komersil kulit putih yang merupakan pengeluar terbesar gandum dan hasil jagung, supaya menyerahkan tanah mereka kepada kerajaan, iaitu tanah yang dirampas daripada masyarakat kulit hitam di zaman pemerintahan British.

Mugabe, 78, mendakwa British, dengan bantuan presiden Amerika Syarikat, George Bush, telah menggunakan media antarabangsa seperti BBC dan CNN untuk menggambarkan Zimbabwe sebagai sebuah negara tanpa undang-undang.

Sebelum pilihan raya negara itu British juga telah berkata jika parti Mugabe menang, maka pilihan raya itu tidak bebas dan tidak adil.

"Para saksi berkata pilihan raya itu mengagumkan, bebas dan adil dan keputusan itu adalah sah. Kita telah memenangi pilihan raya, jadi bagi mereka (British) ia tidak bebas dan adil," kata beliau.

Mugabe mendakwa pihak British melobi di Kesatuan Eropah untuk menarik balik bantuan dan mengenakan sekatan secara senyap.

"Kita perlu menunjukkan kepada orang kita yang perjuangan ini bukan untuk mengekalkan kerajaan pilihan mereka tetapi perjuangan bagi kebebasan sepenuhnya daripada imperialisme British ...supaya anda boleh hidup mengikut kemahuan anda di negara anda sendiri," kata beliau.

"Kita tidak memerlukan seseorang dari luar untuk muncul dan menunjukkan kepada kita bagaimana untuk menyelesaikan perbezaan kita," katanya.

Mugabe menyanjungi Malaysia kerana berjaya mengatasi masalah ekonomi ekoran manipulasi matawang oleh Barat beberapa tahun lepas.

"Kami kagum dengan apa yang telah dilakukan oleh Malaysia semasa waktu genting itu. Hari ini, kami menganggap anda sebagai pemimpin semua negara membangun dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed merupakan juara yang mampu bertahan terhadap apa-apa tekanan ekonomi," kata beliau.

"Mereka yang berkata Malaysia akan tersungkur kini merupakan yang pertama untuk memuji Dr Mahathir," kata beliau.

Di sudut ekonomi, Mugabe menyifatkan Pusat Ekspo Asia Zimbabwe sebagai

satu pencapaian besar dalam hubungan ekonomi yang lebih bermakna dengan Malaysia.

-- BERNAMA

DC MFJ PR